

Headline	Hikmah ketinggalan bas program ziarah		
MediaTitle	Harakah		
Date	28 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement 1	Circulation	150,000
Page No	F8	Readership	450,000
Language	Malay	ArticleSize	150 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,035
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 3,105



# Hikmah ketinggalan bas program ziarah

*"Sesungguhnya orang yang mengatakan: 'Tuhan kami ialah Allah', kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): 'Janganlah kamu rasa takut, dan janganlah kamu rasa sedih, dan bergembiralah dengan syurga yang dijanjikan Allah kepadamu'." - Maksud Ayat 30 Surah Fussilat*

SAYA mengerjakan haji beberapa tahun lepas mengikut pakej Tabung Haji. Selepas sempurna mengerjakan rukun dan wajib haji, pihak pengurusan pakej kami menyediakan dua bas untuk

jemaah pergi berziarah.

Bas-bas ini diletakkan berhampiran hotel penginapan kami. Tidak lama selepas jemaah menaiki bas, mereka diarahkan turun. Mengikut maklumat daripada pegawai Tabung Haji yang bertugas, bas kami telah disaman oleh pihak polis kerana diletakkan di tempat yang dilarang.

Maka bas berkenaan telah ditunda ke balai polis. Semua jemaah disuruh menunggu di tempat yang sama sementara menantikan bas lain sebagai ganti.

Sementara menunggu bas tiba, saya mengambil keputusan untuk balik sebentar ke bilik

hotel yang terletak hanya beberapa langkah dari tempat menunggu untuk buang air kecil.

Alangkah sedihnya apabila sampai semula ke tempat menunggu, saya diberitahu bas telah berlepas.

Saya kembali ke bilik hotel dengan perasaan sedih. Saya tenangkan hati dengan berkata bahawa semuanya telah ditakdirkan dan pasti ada hikmah di sebalik kejadian itu.

Sambil baring di atas katil saya pun tertidur. Saya kemudian bermimpi berada di dalam sebuah lif. Apabila terbuka sahaja lif itu, saya telah dipimpin

oleh seorang berbangsa Arab lalu terbang bersama-sama dengan memakai teleung pergi menziarahi tempat-tempat yang menarik.

Tiba-tiba saya dikejutkan oleh bunyi loceng bilik hotel. Apabila saya buka pintu, rakan-rakan jemaah sebilik saya baru sahaja pulang dari pergi berziarah. Mereka memberitahu saya bahawa tiada apa yang hendak disedihkan sangat kerana tempat-tempat yang mereka pergi ziarah adalah tempat yang telah kami pergi semasa mengerjakan rukun dan wajib haji seperti di Mina dan Arafah. – Mariah / LanH14. blogspot.com